

THE MALAY DILEMMA (WITH A NEW PREFACE) oleh Mahathir Bin Mohamad. Singapore: Marshal Cavendish Editions, 2020. Halaman 236. ISBN-13: 978-981-261-650-0.

Buku ini adalah hasil penulisan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Buku ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan diterbitkan pada kali yang pertama pada 1970. Edisi cetakan semula ini disertakan dengan kata aluan penulis bersempena tahun 2020. Buku ini terhasil daripada pemerhatian Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap situasi sosial khususnya perubahan sosial dan pembangunan masyarakat Melayu. Ulasan buku ini bukan sahaja mengungkap kembali isi kandungan yang masih relevan diperkatakan malah ia boleh menjadi medan “*check-and-balance*” (semak dan imbang) dalam konteks perbandingan antara “dulu” dan “kini.” Justeru diharapkan ulasan buku ini boleh membantu bukan sahaja penulis malah pembaca untuk mendapatkan isi kandungan yang bermanfaat dan sudut pandangan bagi memantapkan lagi kefahaman sedia ada.

Buku “The Malay Dilemma (With a New Preface)” adalah koleksi topikal yang menggabungkan perbincangan isu-isu penting dari sudut pandang seorang negarawan yang bukan sahaja tulus malah telus. Bab-bab yang menjadi perbincangan adalah, 1. *Introduction*, 2. *What went wrong?*, 3. *The Influence of heredity and environment on the Malay Race*, 4. *The Malay economic dilemma*, 5. *The meaning of racial Equality*, 6. *The bases of national unity*, 7. *Rehabilitation of the Malays and the Malay dilemma*, 8. *The Malay problem*, 9. *Code of ethics and value systems of the Malays* dan 10. *Communal politic and parties dan Malaysia and Singapore*. Bab-bab ini dihurai dan dibincangkan daripada sudut pandang kehidupan bermasyarakat khususnya etnik Melayu di Malaysia dan dianalisis mengarah kepada perkara kelestarian kehidupan secara umum dan pemangkin pembangunan etnik Melayu dan negara secara khusus.

Buku ini mengintegrasikan perkara melibatkan latar sejarah, demografi, situasi, fungsi khususnya ekonomi, integrasi masyarakat majmuk, budaya melibatkan etika serta moral dan sosio-politik malah merentas isu sempadan. Dalam pasaran buku di Malaysia, apatah lagi di peringkat dunia, buku yang mampu mengintegrasikan isu-isu holistik ke arah pembangunan dengan kepelbagaian perspektif dan huraian sangat dituntut. Paling penting adalah bilamana buku ini meletak jawapan kepada permasalahan *The Malay Dilemma* (dilema orang Melayu) kepada perkara-perkara asas, prinsip, hukum dan proses dalam membangun masyarakat Melayu khususnya dan negara amnya. Ini adalah satu langkah berdasarkan ilmu saintifik. Penulisan memberikan formula jatuh bangun etnik Melayu di Malaysia dari perspektif 1970-an sehingga kini. Hasil penulisan juga boleh digarap sebagai formula pembangunan atau keruntuhan sesuatu etnik dan ras dalam konteks dunia amnya. Ini adalah satu langkah berasaskan ilmu saintifik yang mengarah kepada formula jatuh bangun etnik Melayu di Malaysia. Hal ini jelas disebabkan perspektif 1970 telah diuji serta menunjukkan kesan dan boleh digarap sebagai formula pembangunan atau keruntuhan sesuatu etnik dan ras dalam konteks dunia amnya.

Sesuatu yang paling menarik tentang buku ini sebelum dicetak semula bagi edisi 2020 adalah prakata daripada penulis sendiri iaitu Tun Mahathir Mohamad dicatatkan pada Julai 2008. Ini bermakna bahawa buku ini telah diulas semula oleh penulisnya selepas 38 tahun penerbitan. Ulasan kepada *reprinted edition* ini padu serta kemas dan penulis memperakui bahawa perspektif buku ini saat ia ditulis pada 1970 ternyata telah melalui beberapa perubahan. Penulis mengakui bahawa faktor keturunan/warisan sebagai penyebab kemunduran etnik Melayu adalah tidak lagi relevan. Seterusnya faktor tahap pendidikan dan kesihatan yang rendah dalam kalangan etnik

Melayu juga telah melalui perubahan. Walaubagaimanapun, menurut penulis, di atas faktor masa, fenomena baharu pula telah wujud iaitu dominasi mahasiswi berbanding mahasiswa dari segi jumlah dan prestasi akademik di institusi pendidikan tinggi negara. Penulis memberi sorotan kepada isu gender dan peranan sosial. Berkaitan isu Ali Baba, penulis merumuskan bahawa telah wujud sinergi positif di antara etnik Cina-Melayu dalam konteks perniagaan. Walaubagaimanapun, penulis kekal menegaskan bahawa sistem nilai dan pengamalannya dalam kalangan etnik Melayu masih merupakan penyebab kepada ketidakseimbangan pegangan ekonomi etnik tersebut berbanding etnik-etnik lain dalam konteks Dasar Ekonomi Baru (DEB). Penulis berharap dapat membuat ulasan timbal balik dengan melakukan analisis mendalam tentang sebab dan akibat dalam konteks semasa memandangkan penulisan asal beliau adalah daripada pemerhatian dalam tahun 60-an. Walaupun beliau memperakui perkara berkaitan kemajuan (*progress*) dalam kalangan etnik Melayu namun masih perlu dilakukan sesuatu bagi memangkin kemajuan tersebut. Beliau sangat berharap agar dapat menyumbang dengan memberikan cadangan atau disebut sebagai ubat/penawar (*remedies*) dan berharap agar kerajaan/pemerintah dapat memainkan peranan.

Bahagian kedua buku ni memaparkan nota penerbit yang telah ditulis pada tahun 1970. Penerbit mengatakan bahawa buku ini ditulis oleh seorang Melayu yang berpendidikan tinggi dan sangat telus dalam membincangkan perkara melibatkan keharmonian masyarakat majmuk Malaysia yang juga melibatkan etnik bukan Melayu. Penerbit menyebut tentang aspek kelantangan penulis dalam menegaskan perspektif beliau yang merupakan orang Melayu dan juga pemimpin Melayu tersohor. Buku ini juga menurut penerbit memperjelaskan tentang rusuhan kaum 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur; menghuraikan isu-isu kemunduran ekonomi etnik Melayu; isu imigran; isu bahasa kebangsaan dan; isu *the definitive people* (orang yang pasti). Fakta menarik tetapi tegas yang diutarakan berkaitan ini oleh penerbit ialah; kaum Melayu merupakan pemilik mutlak tanah Malaysia, imigran pula adalah tetamu sehingga mereka betul-betul diserap. Imigran tidak akan terserap sepenuhnya selagi mereka tidak menghilangkan budaya dan bahasa lampau mereka. Justeru, pengulas mencadangkan supaya elemen-elemen ini dijadikan senarai semak atau semak dan imbang serta kayu ukur tatkala membincangkan perkara berkaitan pemilikan negara ini. Penerbit menambah bahawa penulis pesimis terhadap masa depan etnik Melayu kerana kuasa politik tidak akan kekal sebagai milik etnik Melayu sehingga mereka mengubah budaya dan mentaliti yang pada hemat penulis adalah daripada faktor keturunan/warisan. Buku ini merupakan kritikan kepada etnik Melayu dan cakupannya bukan sahaja merangkumi anak watan tempatan malah merentas sempadan etnisiti. Ia merupakan buku penting kepada kemanusiaan memandangkan ia membincangkan tentang permasalahan hidup dalam suasana majmuk.

Bab pertama buku ini adalah pengenalan yang membincangkan tentang faktor kemunduran etnik Melayu yang dikenalpasti oleh penulis sebagai berpunca daripada faktor keturunan/warisan dan sikap. Isu ini dikatakan sangat kontroversi dalam kalangan orang Melayu dan pemikir serta akademia ketika itu berbanding isu faktor persekitaran.

Bab kedua membincangkan isu rusuhan kaum 13 Mei 1969 selepas 12 tahun melalui hidup harmoni. Persoalan yang dibincangkan adalah bagaimana masyarakat majmuk terbentuk oleh pelbagai etnik, Bahasa dan agama. Turut dibincangkan ialah bagaimana etnik Melayu dan etnik Cina yang merupakan warganegara majoriti boleh terpisah. Situasi keharmonian kaum

dihuraikan oleh penulis sebagai tidak pernah wujud secara jelas. Apa yang wujud adalah ketidakharmonian. Perkara ini disebabkan oleh sejarah penjajahan tetapi tidak cukup kuat untuk membawa ke medan konflik. Peranan nilai dalam masyarakat tidak banyak berbeza namun konflik tetap ada. Isu konflik seringkali berkait dengan isu bahasa dan budaya yang melibatkan cara hidup. Penulis meletakkan faktor kurang *physical proximity* (jarak fizikal) penyebab kepada konflik ini. Masyarakat hidup secara terpisah-pisah dan perkara ini menyebabkan timbulnya syak wasangka. Konfrontasi menggugat kesepaduan etnik dan apa yang wujud hanyalah keadaan bertahan dan kesedaran akan wujudnya etnik lain dalam hidup bermasyarakat. Faktor penjajahan British disebut sebagai elemen utama wujudnya keadaan ini. Walaubagaimanapun, peranan UMNO dalam mencapai kemerdekaan dan memegang suasana politik ketika itu dapat menjadi titik mula sebuah eksperimen walaupun di dalam atmosfera yang tidak harmoni. Peranan ketua parti politik pelbagai etnik dilihat sangat penting bagi memperoleh kestabilan hubungan etnik ketika itu. Keadaan politik semasa yang masih dalam proses mencapai kestabilan memberi ruang kepada konflik membiak. Jawapan kepada persoalan *What went wrong?* (Di mana salahnya?) ialah salah tanggapan pemerintah bahawa hubungan etnik adalah harmoni sedangkan ia adalah sebaliknya lantas peristiwa rusuhan merupakan situasi perkara di luar jangkaan malah sebuah kejutan!

Bab ketiga iaitu *the influence of heredity and environment on the Malay race* (Pengaruh keturunan dan persekitaran terhadap bangsa Melayu) mengungkap faktor sosialisasi sebagai mendasari situasi semasa masyarakat Melayu. Sosialisasi ini pula terbahagi kepada aspek genetik dan persekitaran. Penegasan dibuat oleh penulis bahawa faktor warisan/genetik diperakui sebagai faktor penting kemajuan sesuatu bangsa. Penulis merujuk kepada Hukum Mendel yang mengilustrasikan kacukan tikus putih dan tikus coklat. Ilustrasi ini membuktikan ciri-ciri dan sikap induk diwarisi oleh generasinya. Namun persoalan berapa banyak yang diwarisi menjadi perdebatan. Evolusi dalam keluarga diperakui terkesan dengan faktor warisan. Dibincangkan bahawa ciri-ciri dominan akan mendahului ciri-ciri resesif dalam aspek pewarisan genetik ini. Manakala aspek persekitaran pula dikatakan sebagai faktor yang pembentuk sesuatu bangsa. Penegasan telah diutarakan bahawa kedua-dua faktor genetik dan persekitaran adalah bersalingkaitan antara satu sama lain.

Penulis menggunakan teknik deduksi dengan mengungkap aspek geo-sosial Tanah Melayu yang berbukit bukau dan berhutan tebal sebagai antara faktor yang perlu dibincangkan. Penulis juga menggunakan pendekatan dapatan historikal dengan merujuk kepada situasi sejarah kerajaan Kedah Tua. Perbincangan diikat dengan pernyataan bahawa faktor geografi menjadikan orang Melayu mempunyai keperibadian “membumi”. Penanaman padi dan perkebunan telah mencorak sistem sosio-ekonomi dan sosio-politik orang Melayu. Menurut penulis, perbandaran menjadikan orang Melayu agak sofistikated daripada aspek pengurusan. Aspek dalaman yang lebih penting dalam kalangan orang Melayu dahulu adalah animisme sebelum kedatangan ajaran Hindu dan Islam. Walaubagaimanapun, pengaruh ajaran Islam dilihat sebagai mempengaruhi orang Melayu secara mendadak. Islam membawa kemajuan kepada orang Melayu dan membuatkan orang Melayu celik huruf. Akan tetapi, keadaan ini sangat jelas terjadi hanya kepada golongan terpelajar di bandar sedangkan golongan di pedalaman kekal dipengaruhi adat dan budaya lama yang masih berpaut kepada ajaran animisme.

Kegemilangan Empayar Kesultanan Melayu Melaka juga dilihat memberi impak positif kepada kemajuan orang Melayu. Kedatangan pedagang Cina dan Eropah membawa bersama mereka kapitalisme. Penjajahan pihak British/Inggeris membawa impak paling kuat dari segi pentadbiran, perdagangan, ekonomi, politik, pendidikan dan hubungan kemasyarakatan. Orang Melayu dilihat sebagai dikesampingkan oleh penjajah Inggeris dalam semua dasar pentadbirannya seperti dalam Sistem Residen. Orang Melayu tidak diberi ruang untuk berhubung dan berkomunikasi dengan etnik lain dan sistem perhubungan serta komunikasi juga rendah. Wabak seperti taun juga dilihat sebagai menambah luka kemunduran dan kebelakangan orang Melayu. Pengamalan dalaman orang Melayu seperti kahwin muda, kahwin saudara, kahwin paksa dan kahwin acu bukan sahaja mengekalkan aspek genetik malah mewarisi kemiskinan. Penjajahan Jepun telah menghilangkan kebergantungan penuh orang Melayu kepada pihak British. Kemerdekaan membuka lembaran baharu terutama kepada golongan Melayu elit yang memperolehi kuasa kekayaan “*power of wealth*”. Keadaan ini dilihat sebagai memerangkap orang Melayu di dalam masalahnya yang belum selesai. Kesiediaan untuk bersaing dalam keadaan “*constructive protection*” (perlindungan konstruktif) dalam suasana masyarakat majmuk merupakan cabaran kepada kemajuan orang Melayu.

Bab keempat iaitu *The Malay economic dilemma* (Dilema ekonomi kaum Melayu) dirumus dari sejarah ekonomi orang Melayu. Diceritakan bagaimana peniaga Cina bertapak dan kebergantungan orang Melayu kepada keadaan tersebut. Kedatangan orang India dan Arab juga dibincangkan di mana dikatakan kedua-duanya memberi kesan kepada bentuk perdagangan di zaman tersebut. Menerima pedagang asing seperti Portugis, Belanda dan British sendiri adalah perkara biasa namun diperakui penulis bahawa faktor geo-politiklah yang mencorak bentuk sosio-ekonomi masyarakat ketika itu. Penjajahan Jepun membolehkan kaum Melayu memegang kuasa namun dalam keadaan “*confused orthodox*” (ortodoks keliru) terutama dalam hal melibatkan ilmu perniagaan. *Malay National Bank* pernah wujud dan kegagalannya mencerminkan sikap politik orang Melayu. Polisi kerajaan selepas itu, iaitu Rural and Industrial Development Authority (RIDA) dilihat sebagai penyelamat kepada keadaan tersebut.

Malangnya keadaan ini menjurus kepada fenomena perniagaan Ali Baba. Justeru, Melayu elit yang kaya sahaja bertahan di dalam perniagaan. Kemerdekaan dan sokongan serta dokongan kerajaan semata-mata tidak dapat menafikan pemilikan bersama aktiviti komersial orang Melayu dengan etnik-etnik lain. Dihuraikan bagaimana kegigihan kaum Cina berniaga tanpa menghiraukan polisi atau apa sahaja situasi kebangsaan. Apa yang penting adalah kewujudan perniagaan itu sendiri, keluarga dan bangsa mereka selain aspek kemudahan kredit dalam kalangan mereka dan metod perniagaan yang digunakan. Sedangkan orang Melayu masih bertarung dengan masalah dalaman seperti sikap mereka sendiri, menerima kecorotan dari aktiviti perdagangan dan industri, kecemburuan kepada kemewahan ekonomi orang Cina dan juga pengangguran.

Kesopanan dan adat tata susila orang Melayu dilihat sebagai penghalang kemajuan dan sikap tidak mahu berganjak dari zon selesa akan menentukan tahap perubahan orang Melayu. Penulis merujuk kepada penulisan Roff, *The Origins of Malay Nationalism* yang memperakukan bahawa Melayu boleh berubah. Menurut Roff (1967) dalam konteks orang Melayu, kuasa politik boleh merubah mereka. Walaupun asalnya politik bukanlah subjek kegemaran orang Melayu namun

kesedaran politik wujud dengan adanya isu ancaman status ekonomi dalam kalangan orang Melayu itu sendiri dan dalam kalangan pemimpin mereka. Dilema orang Melayu ialah kekal berharap tanpa usaha dan enggan berubah. Justeru dilema orang Melayu bukanlah semata-mata dilema ekonomi malah dilema orang Melayu itu sendiri!

Bab kelima iaitu *the meaning of racial equality* (Makna kesamarataan kaum). Penulis membincangkan tentang konsep *racial disparity* (perbezaan kaum) terlebih dahulu di mana walaupun hakikat bahawa hidup dalam suasana majmuk adalah biasa namun tidak ada mana-mana negara yang mempunyai konflik perkauman yang sama. Sorotan kepada situasi konflik dibuat ke atas Amerika Syarikat. Kesamarataan kaum dimaknakan sebagai suatu standard nilai yang diterima semua anggota masyarakat secara bersama. Kesamarataan bermaksud kesediaan berkongsi semua perkara serta tanggungjawab bersama ke arah kebaikan bersama dari segi sosio, ekonomi dan politik. Isu Tanah Rizab Melayu, biasiswa, sistem kuota, perkhidmatan sektor awam dan kerakyatan bukan Melayu-kerana sumbangan pembangunan diutarakan oleh penulis sebagai menjarakkan jurang perkauman. Penulis mencadangkan pelaksanaan sistem berasaskan merit kerana hujahnya mengatakan bahawa kesepaduan sosial adalah bergantung kepada latar etnik, budaya, bahasa dan agama. Penulis mencadangkan usaha-usaha penyatupaduan berasaskan metod aksesori, peralihan fokus seperti kesetiaan kepada raja dan negara, pengajaran tentang sejarah negara-bangsa; penekanan kepada simbol-simbol kenegaraan seperti bendera, lagu kebangsaan, warna kebangsaan dan keluhuran serta hormat kepada perlembagaan dan negara. Di sepanjang proses ini, seluruh rakyat perlulah berintegrasi secara padu. Tembok pemisah seperti perbezaan etnik, etnisiti dan lain-lain perlu dirobohkan. Akhir sekali, penulis menyarankan agar perkahwinan campur digalakkan.

Bab ketujuh iaitu *Rehabilitation of the Malays and the Malay dilemma* (Pemulihan orang Melayu dan dilema Melayu) memberi penegasan tentang proses pemulihan orang Melayu dari belunggu dilema mereka. Dilema orang Melayu bukanlah semata-mata dari segi ekonomi malah juga politik. Dilema ini menjurus kepada amuk dalam kalangan orang Melayu khususnya dalam tragedi 13 Mei 1969. Justeru dilema Melayu juga adalah dilema Malaysia. Dua proses pemulihan yang dicadangkan oleh penulis adalah revolusi dan evolusi. Pemulihan secara revolusi bukanlah bererti anarki atau pembunuhan tetapi lebih kepada kreativiti dan mekanikal. Ia juga bersifat perubahan drastik. Manakala pemulihan secara evolusi pula adalah bersifat alternatif kerana faktor kelajuan dan objektifnya tidak dapat dikawal. Isu dilema Melayu sekali lagi diangkat antaranya sentimen Melayu feudal, isu agama Islam adat tradisional, penempatan semula perumahan dan perbandaran, jaminan pekerjaan, isu politik, pemimpin Melayu, peranan wanita serta kemahiran perniagaan. Disarankan pemulihan sempurna orang Melayu daripada dilema ini adalah dengan keluar dari kepompong adat (yang disalah tafsir), merubah gaya fikir, menyerap sistem nilai yang baharu selari dengan pegangan agama Islam yang progresif, mempelajari kemahiran baharu. Orang Melayu perlu menerima hakikat dan berubah dengan perancangan rapi, konsisten dan padu.

Bab kelapan iaitu *The Malay problem* (Masalah orang Melayu). adalah bab yang paling padat serta panjang perbincangannya. Bab ini juga merupakan fokus utama buku ini. Disenaraikan berikut masalah orang Melayu yang dibincangkan oleh penulis dalam bab ini iaitu masalah peribadi, sikap pasif, masalah sikap, paradok, salah tanggapan kepada konsep kemuliaan, sopan

santun, berlaku baik, rendah diri dan tabiat jaya diri. Punca terbesar kemunduran orang Melayu selain isu-isu ini ialah dasar pihak /British, Sistem Residen, disentralisasi kuasa, kemasukan imigran dari China dan India. Masalah-masalah Melayu ini telah diledakkan dalam bentuk ekspresi fizikal / amuk pada tragedi 13 May 1969. Gerakan Kesatuan Melayu Muda dan kemerdekaan Tanah Melayu dikatakan adalah reaksi positif orang Melayu ke arah perubahan dan pembangunan. Penulis kembali menyorot situasi hampir serupa yang berlaku di Australia, Amerika, Taiwan, Jepun, Afrika Selatan, Kenya, Rhodesia, Filipina, Thailand dan negara-negara Asia Tenggara. Penekanan perlu diberikan kepada pemahaman konsep negarabangsa, asimilasi, perlembagaan persekutuan, bahasa kebangsaan dan dasar pendidikan. Tindakan segera kepada permasalahan ini ialah memahami latar peribumi dan juga pendatang serta membuat usaha menyatupadukan mereka sebagai masyarakat majmuk dengan nilai permuafakatan yang disepakati bersama.

Bab kesembilan adalah *Code of ethics and value systems of the Malays* (Kod etika dan sistem nilai orang Melayu). Bab ini mengangkat dan memberi penegasan kepada kod etika dan sistem nilai orang Melayu dalam menyelesaikan dilema dan masalah. Menurut penulis, topik ini adalah topik sensitif dalam kalangan orang Melayu. Orang Melayu tidak boleh dikritik terbuka berkaitan soal etika dan sikap. Konsep nilai dan kod etika adalah bersaling kaitan. Terbukti kemajuan negara Barat adalah disebabkan kepercayaan terhadap kod etika Judaeo-Christian (*Protestant ethics and the spirit of capitalism*- Etika Protestan dan semangat kapitalisme). Justeru kod etika dan sistem nilai orang Melayu menentukan bagaimana mereka memberi tafsiran kepada agama anutan mereka iaitu Islam. Fahaman yang lebih lama daripada pegangan Islam adalah animisme. Sejarah membuktikan bahawa orang Melayu juga telah berhubungan dengan orang Muslim bukan Melayu dan juga orang-orang bukan Muslim.

Hubungan dengan orang Arab dilihat lebih kuat dan prominen dalam kalangan orang Melayu. Kod etika dan sistem nilai orang Melayu-Islam dilihat sebagai 'cakap tak serupa bikin'. Ditambah lagi dengan konflik fahaman animisme, sikap konservatif, hedonism, falsafah '*eat, drink and be merry*', paradoks, taksub, salah tanggapan, konsep takdir dan takut mati. Ini bermakna, dalam kalangan orang Melayu, Islam tidak diamalkan sebagai agama progresif dalam segenap hal kehidupan tetapi hanya terhad kepada perkara spiritual semata-mata. Tambah penulis lagi, sikap terhadap berharta dan duit juga menarik diperkatakan tentang orang Melayu. Pemilikan tanah sangat penting kepada minda Melayu. Barang perhiasan dan juga wang tunai dilihat penting kepada orang Melayu. Duit dilihat sebagai kemewahan dan orang Melayu disebut sebagai berbelanja lebih sudu dari kuah manakala simpanan pula sangat minima. Sepatutnya sikap terhadap harta dan wang perlu dilihat sebagai kemampuan untuk memanipulasi kedudukan dan berjaya dalam perniagaan. Kegagalan orang Melayu melihat daripada perspektif ini akan menentukan sejauh mana mereka berjaya dalam dunia material. Ketelusan bukanlah merupakan kod sosial orang Melayu Justeru, orang Melayu perlulah 'berjiwa kental' menerima hakikat, 'sedar diri' dan berusaha untuk berubah/merubah.

Bab kesepuluh diberi tajuk *Communal politics and parties* (Politik dan parti komunal). Penulis membincangkan tentang situasi kebersamaan parti-parti politik di Malaysia atau lebih relevan dengan situasi semasa, kesepakatan parti-parti politik. Perspektif kolektif politik melalui pakatan parti politik adalah penting bagi melancarkan usaha kesepaduan kaum. Penulis menyimpulkan

bahawa situasi parti politik di Malaysia adalah komunal/sepakat dari segi prinsip, bukan komunal/tidak sepakat daripada segi penubuhannya dan ini menentukan motivasi dan hala tuju masing-masing. Apa yang membezakan mereka adalah pendekatan yang digunakan dalam menangani isu/masalah perkauman. Pada hemat penulis, Malaysia adalah unik kerana rakyatnya paling “*race conscious*” (bangsa sedar) berbanding rakyat negara lain dalam situasi hampir serupa, perbezaan fizikal, bahasa, budaya dan pegangan agama.

Justeru isu etnik tidak dapat disangkal-pisahkan. Tuntasnya, masyarakat majmuk Malaysia tidak seharusnya mempersoalkan kelebihan etnik lain. Sebaiknya memberi fokus kepada mencapai kesamarataan (*equality*) yang dibincangkan dalam bab lima. Menurut penulis lagi, adalah lebih baik jika etnik pribumi/Melayu tidak diberi keistimewaan dan etnik bukan pribumi/Melayu tidak memonopoli sektor ekonomi kerana tanpa kedua-dua keadaan ini, peluang kebersamaan lebih cerah kerana kedua-dua pihak tidak berpeluang menyerang satu sama lain dengan keadaan tersebut. Kebersamaan (*equality*) perlu diutamakan, justeru semangat kebangsaan akan wujud dan kesepaduan sosial dapat dicapai. Pakatan politik walaupun berasaskan etnik perlulah terarah kepada kecapaian kebersamaan dan perpaduan. Kewujudan kepelbagaian parti politik tidak sepatutnya membahayakan usaha mencapai kesepaduan nasional malah sepatutnya memangkin perpaduan dengan mengetepikan kepentingan sendiri.

Bab kesebelas iaitu bab terakhir adalah *Malaysia and Singapore*. Pada hemat pengulas, bab ini wujud berikutan situasi semasa di mana Singapura telah menarik diri dari gagasan Malaysia pada tahun 1965 dan akibat daripada itu, rusuhan kaum terjadi pada 1969. Penulis memberi respon dan ramalan tentang bentuk hubungan dua hala kedua negara dengan nada kritis tetapi positif. Kerajaan PAP di Singapura disebut sebagai ahli Kelab Piramid (*pyramid club*) adalah Kumpulan pemikir Singapura dan kerajaan NOC pula adalah pentadbir Malaysia. Isu pemisahan masih dibincangkan di Singapura tetapi tidak lagi di Malaysia. Isu penyatuan semula juga tidak timbul di Malaysia. Hubungan kedua-dua negara adalah hubungan matang dua negara yang merdeka. Isu kebergantungan kedua-dua negara dibincangkan oleh penulis dengan memberikan faktor seperti geografi dan kedudukan strategik Singapura dari konteks laluan perdagangan namun keperluan Singapura kepada Malaysia melebihi sebaliknya. Justeru dicadangkan bahawa hubungan baik/persahabatan akan lebih menguntungkan kedua-dua pihak. Singapura lebih memfokuskan kepada isu pertahanan negaranya memandangkan isu saiz geografi dan juga isu jaringan jalan pengangkutan serta infrastruktur negara tersebut dilihat lebih dominan. Ideologi kedua – dua negara dilihat tidak serupa kerana faktor kerajaan pemerintah dan juga komposisi kaum. Peranan pemimpin dilihat penting dalam mencorak bentuk hubungan dua hala kedua-dua negara. Malaysia dilihat lebih bersedia dan terkedepan dalam mencorak hubungan ini yang dilihat sangat bergantung kepada faktor politik. Sebagai penutup, penulis menyimpulkan bahawa apa yang akan terjadi seterusnya dalam konteks hubungan dua hala Malaysia-Singapura adalah bergantung kepada pilihan yang dibuat oleh Singapura.

Apa yang dapat dirumus daripada kesebelasan bab di dalam buku ini pada hemat pengulas ialah ketelusan penulis dalam membincangkan dilema dan masalah orang Melayu, apa yang perlu dibuat sebagai usaha pemulihan dan hubungkaitnya dengan kesejahteraan Malaysia yang bergantung kepada kesepaduan / kebersamaan kaum yang dicapai. Secara khusus pula, pengulas melihat pengkategorian bab di dalam buku ini menggambarkan bahawa terdapat 3 fasa penting di

dalam menyelesaikan dilemma / masalah orang Melayu dan ke arah mencapai kesepaduan/kebersamaan kepelbagaian masyarakat majmuk Malaysia. Fasa pertama yang memberi fokus pada perkara asas iaitu pengenalan masalah / dilema orang Melayu itu sendiri melibatkan perbincangan dari perspektif kefahaman, persejarahan, konflik, perpaduan, kepimpinan dan wajah. Bab-bab ini menghuraikan fasa pertama. Bab 1-3; *introduction; what went wrong? the influence of heredity and environment* serta *the Malay economic dilemma*. Fasa kedua melibatkan penggunaan strategi dan alat bagi menyelesaikan masalah/dilema orang Melayu. Bab-bab ini menghuraikan fasa kedua. Bab 5-9; *the meaning of racial equality; the bases of national unity; rehabilitation of the Malays and the Malay dilemma; the Malay problem dan code of ethics and value system of the Malays*. Manakala fasa 3 diuraikan di dalam bab 10-11 iaitu *Communal politic and parties* dan *Malaysia and Singapore*. Bab-bab ini menghuraikan perkara realiti dan cabaran kepada dilema/masalah orang Melayu khasnya dan kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk umumnya yang memberi penekanan kepada isu-isu semasa berkepentingan seperti isu kebersamaan, global, hubungan multilateral, undang-undang dan perekonomian serantau.

Secara praktikalnya, buku ini dilihat telah menjadi rujukan penulis dalam merealisasikan hasrat pembangunan orang Melayu khasnya dan Malaysia amnya. Keadaan ini dijelaskan dengan merujuk kepada hampir semua dasar pentadbiran, politik, ekonomi dan sosial di mana penulis merupakan ketua badan eksekutif Malaysiayang terlibat secara langsung di dalam penggubalan polis-polisi seperti Dasar Pandang ke Timur, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Kepimpinan Melalui Teladan dan yang terkini dalam konteks politik semasa yang diterajui Pakatan Harapan.

Susunan tema dan sub-tema perbincangan yang dimuatkan dalam buku ini dilakukan dengan sangat baik. Ketiga-tiga fasa yang dinyatakan di atas mengikut hemat pengulas jelas menggambarkan aliran dan sorotan kemas kepada perkara yang ingin diutarakan dan diberi kepentingan iaitu dilema orang Melayu, pembangunan dan perubahan serta kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk. Buku ini menepati objektif penyusunannya dalam membincangkan secara padu tentang dilema orang Melayu, pembangunan dan perubahan serta kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk yang mencakupi aspek-aspek asas, teras dan realiti serta cabaran.

Daripada sudut persembahan buku ini seperti tajuk buku, bab atau tajuk dan sebagainya didapati telah dilakukan dengan baik. Kekuatan buku ini terletak kepada elemen penulisan yang telus, tulus serta padu. Ia bersifat “*straight to the point*” (terus ke titik perbincangan), persembahan dan pengkategorian bab serta kekuatan pemerhatian intelek sangatlah jelas di dalam bab-babnya. Kandungan penulisan ini dilihat sangat relevan dan ‘tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas’, sesuai dibaca dan difahami sebagai rujukan malah boleh menjadi model pada kini dan masa depan.

Rosfazila binti Abd Rahman

Jabatan Kenegaraan & Pengajian Ketamadunan,
Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).